

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 4, August 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Pengaruh Antara Gaya Pembelajaran dan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah

M. Kaviza[1]
[1]Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran sejarah, di samping untuk menentukan sama ada terdapat sumbangan pembolehubah peramal iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah. Seramai 521 orang murid Tingkatan Empat dari sebuah negeri di utara Semenanjuang Malaysia melalui teknik persampelan rawak mudah merupakan sampel kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik *Perceptual Learning Style Preferences Questionnaire* dan ujian pencapaian mata pelajaran sejarah yang telah disahkan oleh paka-pakar penilai dan mempunyai nilai kebolehpercayaan, indeks kesukaran dan indeks diskriminasi yang baik. Data kajian ini dianalisis secara statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dan ujian regresi pelbagai melalui perisian *IBM SPSS*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear negatif sederhana tinggi yang signifikan antara gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Dari segi jenis gaya pembelajaran pula, gaya visual, gaya auditori, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan telah melaporkan terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi secara signifikan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah, manakala hanya gaya taktil sahaja yang telah menunjukkan terdapat hubungan linear negatif yang rendah secara signifikan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kajian ini. Selain itu, dapatan kajian ini juga telah melaporkan bahawa hanya pembolehubah peramal iaitu gaya bersendirian dan gaya berkumpulan sahaja telah menyumbang secara signifikan berbanding dengan pembolehubah peramal gaya visual, gaya taktil, gaya auditori dan gaya kinestetik yang telah menyumbang secara tidak signifikan terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah. Implikasi kajian ini telah menjelaskan bahawa gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain yang mencadangkan kepada pihak guru agar memberikan fokus kepada aplikasi gaya pembelajaran murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: gaya pembelajaran, pencapaian mata pelajaran sejahrah, sekolah menengah

The Relationship Between Learning Styles and History Subject Achievement: A Survey in Secondary Schools

Abstract

This study aims to determine whether there is a correlation between learning styles and the achievement of historical subjects, as well as to determine whether there are contributions of predictor variables such as visual style, auditory style, tactile style, kinesthetic style, individual style and group

style towards the achievement of history subject. A total of 521 Form Four students from a state in the north of peninsular Malaysia through a simple random sampling technique was the sample of this study. This research instrument is the Perceptual Learning Style Questionnaire and the history subject achievement test which has been verified by content expert matters and have good reliability, difficulty index and good discrimination index. The data were analyzed using Pearson correlation test and multiple regression tests through IBM SPSS software. The findings of this study showed that there is a significant high moderate negative correlation between the learning style and history subject achievement. In terms of learning style, visual styles, auditory styles, kinesthetic styles, individual styles and group styles have reported significant high moderate negative linear relationships with the history subject achievement, while only tactile styles have shown that there is a significant lower negative linear relationship with history subject achievement in this study. In addition, the findings of this study have also reported that predictor variables such as individual style and group style have contributed significantly, while the predictor variables such as visual style, tactile style, auditory style and kinesthetic styles have contributed non-significantly toward history subject achievement. The implication of this study has explained that the learning style and history subject achievement are mutually affecting each other and suggest to teachers to focus on student's learning style application in the teaching and learning process.

Keywords: learning styles, history subject achievement, secondary schools

---

Pengenalan

Perubahan dalam kurikulum sekolah menengah dalam mata pelajaran sejarah dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kepada Kurikulum Standard Sekolah Menangah (KSSM) melalui proses transformasi berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013) adalah bertujuan untuk melahirkan murid yang arif dan peka dengan ilmu sejarah dan pembentukan masyarakat yang berdaya saing serta memberi pemahaman kepada murid dalam pembinaan jati diri dan semangat cinta akan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2003; 2015; Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Fauziah Ani & Asbah Razali, 2019). Sehubungan dengan itu, pencapaian mata pelajaran sejarah menjadi kayu ukur dalam mengenal pasti pemerolahan ilmu sejarah tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan perubahan mental, sikap dan fizikal serta tingkah laku yang perlu dikembangkan secara sepanjang hayat dalam kalangan murid (Geiser, 1999; Sadler, 1996; Ryan, Hicks & Midgley, 1997). Hakikatnya, aplikasi gaya pembelajaran yang berkesan adalah dilaporkan dapat mempengaruhi kemahiran berfikir kritis, kemahiran abad ke-21, kebolehan intelektual, personaliti dan motivasi dalam kalangan murid (Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017; Busato, Prins, Elshout & Hamaker, 2000; Kaviza, 2019; Mohamad Yusri Bakir & Mohd Razimi Husin, 2014). Hal ini kerana aplikasi gaya pembelajaran yang tertentu secara dinamik telah membolehkan murid-murid dapat menguasai sesuatu maklumat-maklumat yang perlu mereka pelajari dengan memproses maklumat-maklumat tersebut secara menyeluruh melalui proses interaksi antara pengalaman dan persekitarannya secara komprehensif (Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2008; Woolfolk, 1998). Oleh itu, gaya pembelajaran murid memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas disebabkan oleh murid-murid mempunyai stail atau gaya belajar yang tersendiri yang disesuaikan berdasarkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dipratikkan bagi meningkatkan pencapaian akademik yang lebih baik secara berterusan dalam pendidikan formal mahupun dalam pendidikan tidak formal informal.

Pernyataan Masalah

Oleh kerana prinsip pembelajaran dibahagikan kepada peringkat-peringkat seperti kognitif, pemerolehan ilmu, konseptualisasi, pemprosesan ilmu dan sebagainya, maka prinsip asas pembelajaran telah membolehkan setiap murid mempunyai cara dan kadar pembelajaran yang berbeza-beza melalui proses tindak balas antara persekitaran pembelajaran, cara berfikir, pengalaman lepas, jenis tugasan

dan sebagainya yang dikenali sebagai gaya pembelajaran yang menerangkan sebagai corak bagaimana seseorang murid dapat menerima dan memproses maklumat baru, cara terbaik seseorang murid itu belajar dan kecenderungan seseorang murid itu menggunakan kebolehannya semasa belajar (Atkins, Moore & Sharpc, 2001; Dunn & Dunn, 1992; Felder, 1996; Whittington & Raven, 1995; Sternberg, 1999). Justeru, gaya pembelajaran adalah yang sepatutnya menjadi pertimbangan yang utama dan penting dalam kalangan guru bagi menentukan sama ada ianya adalah sepadan atau sesuai dengan pendekatan dan strategi pengajaran yang dipratikkan bagi memastikan murid-murid dapat dibimbing melalui proses penilaian yang ditetapkan dalam kurikulum pendidikan.

Sehubungan dengan itu, adalah diakui bahawa mata pelajaran sejarah sering kali dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar dan tidak diminati dalam kalangan murid disebabkan oleh Kompetensi guru, keupayaan pengajaran guru dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah yang didapati telah mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah secara langsung mahupun secara tidak langsung (Anuar Ahmad & Nelson Jinggan, 2015; Anuar Ahmad Siti Haishah Abdul Rahim & Nur Atiqah T.Abdullah, 2009; Kaviza, 2019). Hal ini kerana pencapaian yang tinggi mahupun rendah adalah dipengaruhi oleh proses pembelajaran yang berkesan melalui aplikasi strategi pembelajaran dan gaya pembelajaran murid yang telah menyarankan agar pihak guru perlu untuk mengenal pasti jenis-jenis gaya belajar yang diamalkan oleh murid-murid terlebih dahulu sebelum merekabentuk sesuatu strategi pembelajaran yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara formal (Azrul Mahfurdz & Saifuddin Semail, 2009; Norhani Bakri, Noor Zainab Abdul Razak, Hamidah Abdul Rahman & Aminah Ahmad Khalid, 2005). Tambahan pula, pendapat Azrul Mahfurdz dan Saifuddin Semail, (2009) dan Norhani Bakri et al, (2005) adalah bertepatan dengan pendapat Anuar Ahmad et al, (2009) dan Laporan Kajian Tentang Isu Kurang Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Berprestasi Rendah SPM yang telah dijalankan pada tahun 2003 bagi mendapatkan maklum balas tentang kelancaran pelaksanaan kurukulum mata pelajaran sejarah dan pengaplikasian strategi pengajaran dalam kalangan guru di sekolah berprestasi rendah dan sederhana (dalam Anuar et al, 2009) yang telah menjelaskan bahawa keberkesanan pencapaian akademik adalah didapati mempunyai kaitan dengan kualiti kebolehan dan keupayaan pengajaran guru yang baik. Namun begitu, sejauh manakah aplikasi gaya pembelajaran dalam kalangan murid dapat mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah masih belum diketahui walaupun dalam kajian Blickle, (1996) dan Conllison, (2000) telah melaporkan bahawa kemerosotan pencapaian akademik adalah disebabkan oleh pengetahuan awal, minat, sikap, dan stail belajar. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran sejarah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran (gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan) dengan pencapaian mata pelajaran sejarah
ii. Mengenal pasti sama ada terdapat sumbangan pembolehubah peramal iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

i. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran (gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan) dengan pencapaian mata pelajaran sejarah?
ii. Adakah terdapat sumbangan pembolehubah peramal iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah?

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah:

H_{o1} : Tidak terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o1a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya visual dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o1b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya auditori dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o1c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya taktil dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o1d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kinestetik dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o1e} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya bersendirian dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o1f} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya visual berkumpulan pencapaian mata pelajaran sejarah

H_{o2} : Tidak terdapat sumbangan pembolehubah peramal iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah.

Metod Kajian

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang menggunakan reka bentuk kajian korelasi (Cresswell, 2014) yang digunakan untuk menentukan hubungan antara dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Sampel kajian ini terdiri daripada murid-murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran sejarah di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia berdasarkan teknik persampelan rawak mudah. Jumlah sampel kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi bilangan sampel yang diperlukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel kajian yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik *Perceptual Learning Style Preferences Questionnaire (PLSPQ)* (Reid, 1984) yang telah diadaptasi dan ujian pencapaian mata pelajaran yang telah dibina oleh pengkaji. Kedua-dua instrumen tersebut telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* iaitu 0.93 bagi soal selidik *PLSPQ* dan nilai *Kuder Richardson 20* iaitu 0.89 bagi ujian pencapaian mata pelajaran sejarah yang dianggap baik oleh Nunnally, (1978). Nilai indeks kesukaran dan diskriminasi bagi ujian pencapaian mata pelajaran sejarah adalah baik dan diterima dalam kajian ini (Nitko, 2004). Data kuantitatif dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24 secara statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dan Regresi Pelbagai. Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini telah dilakukan berdasarkan interpretasi daripada kajian Davies, (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
0.70 – 1.00	Amat tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana tinggi
0.10 - 0.29	Rendah
0.00-0.09	Diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies, (1971)

Dapatan Kajian

Hubungan antara min gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 2, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya pembelajaran [r=-0.36, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi antara min gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya pembelajaran menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 2: Korelasi min gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya pembelajaran	*Pearson Correlation*	-0.36**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hubungan antara gaya visual dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya visual [r=-0.33, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi antara min gaya visual dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1a} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min gaya visual dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya visual menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 3: Korelasi min gaya visual dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya visual	*Pearson Correlation*	-0.33**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hubungan antara gaya auditori dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 4, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya auditori [r=-0.32, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi antara min gaya auditori dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1b} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min gaya auditori dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya auditori menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 4: Korelasi min gaya auditori dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya auditori	*Pearson Correlation*	-0.32**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hubungan antara gaya taktil dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya taktil [r=-0.29, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang rendah antara min gaya taktil dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1c} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min gaya taktil dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya taktil menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 5: Korelasi min gaya taktil dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya taktil	*Pearson Correlation*	-0.29**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hubungan antara gaya kinestetik dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 6, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya kinestetik [r=-0.31, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi antara min gaya kinestetik dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1d} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min gaya kinestetik dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya kinestetik menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 6: Korelasi min gaya kinestetik dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya kinestetik	*Pearson Correlation*	-0.31**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hubungan antara gaya bersendirian dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 7, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya bersendirian [r=-0.33, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi antara min gaya bersendirian dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1e} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min bersendirian dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya bersendirian menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 7: Korelasi min gaya bersendirian dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya bersendirian	*Pearson Correlation*	-0.33**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hubungan antara gaya berkumpulan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min gaya berkumpulan [r=-0.37, p=0.00] terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear negatif yang sederhana tinggi antara min gaya berkumpulan dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, H_{o1f} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min berkumpulan dan pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya amalan gaya berkumpulan menurun, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga menurun.

Jadual 8: Korelasi min gaya berkumpulan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

		Pencapaian mata pelajaran sejarah
Gaya berkumpulan	*Pearson Correlation*	-0.37**
	Sig	0.00
	N	521

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Sumbangan pembolehubah peramal iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya taktil, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 9 dan Jadual 10 menunjukkan bahawa pembolehubah peramal secara signifikan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah [F(6, 520)=15.29, p=0.00] dan menyumbang sebanyak 15 peratus varians dengan pencapaian mata pelajaran sejarah (r^2=0.15). Sungguhpun begitu, dua pembolehubah peramal sahaja yang memberi sumbangan secara signifikan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah berdasarkan nilai pemberat regresi piawai (β) iaitu pembolehubah gaya berkumpulan (β=-0.30, t=-3.79, p=0.00) yang merupakan penyumbang yang tertinggi dan diikuti dengan pembolehubah gaya bersendirian (β=-0.15, t=-1.92, p=0.05). Namun begitu, pembolehubah gaya visual (β=-0.10, t=-1.24, p=0.22), pembolehubah gaya auditori (β=-0.04, t=-0.48, p=0.63), pembolehubah gaya taktil (β=-0.10, t=-1.88, p=0.06), dan pembolehubah gaya kinestetik (β=-0.04, t=0.47, p=0.64) tidak memberikan sumbangan yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, pembolehubah gaya berkumpulan dan gaya bersendirian merupakan pembolehubah peramal kepada pencapaian mata pelajaran sejarah. Perkara ini menunjukkan bahawa nilai (β) bagi setiap unit penurunan dalam pembolehubah tidak bersandar adalah diikuti dengan setiap unit penurunan dalam pembolehubah bersandar. Oleh itu, nilai pekali menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear bagi model persamaan garis lurus bagi pencapaian mata pelajaran sejarah dengan pembolehubah peramal adalah seperti berikut:

$$Y = A + B_{1\,X1} + B_{2\,X2} + e$$
$$[Y = 5.22 + -0.08_{\,X1} + -0.04_{\,X2} + 0.26]$$

di mana
y = pencapaian mata pelajaran sejarah
A = pemalar
B_1, B_2 = pekali
$_{X1}$ = gaya berkumpulan
$_{X2}$ = gaya bersendirian
e = ralat kajian

Jadual 9: Analisis Varians Regresi Pelbagai

Pembolehubah	**Jumlah kuasa dua**	***df***	**Min kuasa dua**	***F***	***Sig.***
Regresi	181.52	6	30.25	15.29	0.00
Reja	1016.98	514	1.98		
Jumlah	1198.50	520			

Jadual 10: Analisis Regresi Pelbagai Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah dengan pembolehubah peramal

Pembolehubah	Pekali tidak piawai (B)	Ralat pekali	Pekali Piawai (β)	*t*	*Sig.*
Pemalar	5.22	0.26		20.49	0.00
Gaya Visual	-0.03	0.02	-0.10	-1.24	0.22
Gaya Auditori	-0.01	0.02	-0.04	-0.48	0.63
Gaya Taktil	0.04	0.02	0.16	1.88	0.06
Gaya Kinestetik	0.01	0.02	0.04	0.47	0.64
Gaya Bersendirian	-0.04	0.02	-0.15	-1.92	0.05
Gaya Berkumpulan	-0.08	0.02	-0.30	-3.79	0.00

Perbincangan Kajian

Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa gaya pembelajaran mempunyai hubungan linear negatif yang sederhana tinggi secara signifikan terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah, di samping kelima-lima jenis gaya pembelajaran iaitu gaya visual, gaya auditori, gaya kinestetik, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan juga turut melaporkan terhadap hubungan linear yang sederhana tinggi secara signifikan terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah kecuali bagi gaya taktil sahaja yang telah melaporkan terdapat hubungan linear negatif yang rendah secara signifikan terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah. Maka, dapat dirumuskan bahawa gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran sejarah adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Ahmad Yunus Kasim dan Muhamad Nasir Bustamam (2006) yang telah melaporkan bahawa gaya pembelajaran mendalam (*deep*) dan mendatar (*surface*) didapati mempunyai hubungan linear yang rendah secara signifikan terhadap pencapaian kursus Tamadun Islam (TITAS) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tambahan pula, dapatan kajian Norlia Abd. Aziz, T.Subahan M.Meerah, Lilia Halim dan Kamisah Osman, (2009) yang telah melaporkan bahawa terdapat hubungan yang rendah secara signifikan antara gaya pembelajaran iaitu gaya mendalam, gaya terancang dan gaya gigih usaha dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid Tingkatan Empat adalah menyokong dapatan kajian ini secara tidak langsung.

Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini dilaporkan bertentangan dengan kajian Azizi Yahaya, Muhd Najib Ghaffar, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon dan Wan Zuraidah Wan Hamid (2010) serta kajian Azizi Haji Yahya, Shareeza Abdul Karim dan Noordin Yahaya, (2003) yang telah melaporkan gaya pembelajaran seperti reflektor, teoritis, pragmatis dan aktivis didapati tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid Tingkatan Empat di sekolah menengah Teknik di Negeri Sembilan, manakala kajian Uk Rani a/p Chen, Alias Masek dan Mohd Hasril Amiruddin, (2014), kajian Ira Fazlin Mohd Fauzi dan Hasanah Saflen @ Shafie, (2017) serta kajian Azrul Mahfurdz dan Saifuddin Semail, (2009) yang turut memaparkan dapatan yang tidak signifikan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dalam kalangan murid di politeknik.

Selain itu, gaya bersendirian dan gaya berkumpulan sahaja yang dilaporkan merupakan pembolehubah peramal yang menyumbang secara signifikan kepada pencapaian mata pelajaran sejarah adalah bertentangan dengan dapatan kajian Kaviza, (2019) yang telah melaporkan kesemua dimensi gaya pembelajaran dalam *Index of Learning Style* yang dipelopori oleh Felder dan Solmon, (1997) iaitu dimensi visual-verbal, dimensi aktif-reflektif, dimensi kepekaan-intuisi dan dimensi sequential-global didapati mempengaruhi kemahiran pemikiran sejarah yang melibatkan aspek keintektualan kognitif secara signifikan dalam kalangan murid Tingkatan Dua. Tambahan pula, dapatan kajian Ling, Mona Masood dan Siti Hawa Abdullah, (2016) yang mendapati bahawa dimensi *sequential-global* tidak mempengaruhi pencapaian kemahiran penaakulan sejarah dalam kalangan murid Tingkatan Empat adalah bertentangan dengan dapatan kajian ini. Namun begitu, dapatan kajian ini yang menjelaskan bahawa gaya bersendirian dan gaya berkumpulan merupakan faktor peramal yang signifikan berbanding dengan gaya visual, gata taktil, gaya auditori dan gaya kinestetik yang merupakan faktor peramal yang tidak signifikan terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah adalah konsisten dengan

dapatan kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad (2016) yang telah melaporkan bahawa gaya pembelajaran yang utama diamalkan oleh siswazah-siswazah dalam kursus pendidikan sejarah di Malaysia dan Indonesia ialah jenis gaya *Judging* yang didapati mempengaruhi amalan pemikiran mereka secara signifikan berbanding dengan jenis gaya extrovert, introvert, thinking, feeling, intuition, sensing dan perceiving yang merupakan antara jenis gaya pembelajaran dalam *Myers Briggs Type Indicator* (MBTI) (Briggs, McCaulley, Quenk & Hammer, 1998). Justeru, dapat diperjelaskan bahawa amalan gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan dapat membantu murid-murid untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran sejarah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, gaya pembelajaran yang didapati mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru sejarah untuk memberi penekanan kepada aspek gaya pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas. Hal ini kerana pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bersesuaian dengan jenis, corak atau stail belajar yang pelbagai yang diamalkan oleh murid-murid bagi meningkatkan minat mereka untuk belajar sejarah dengan lebih efektif dan berkesan serta lebih mudah untuk menerima ilmu sejarah yang dibuktikan memberi impak positif kepada pencapaian mata pelajaran sejarah. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada semua pihak sama ada pihak guru, pihak PPK, pihak KPM dan sebagainya dalam memberi perhatian kepada aspek gaya pembelajaran murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah secara efektif dan berkesan pada semua peringkat persekolahan. Namun begitu, kajian lanjutan dengan meneroka aspek-aspek lain yang turut mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah adalah dicadangkan bagi mendapat suatu gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah selaras dengan matlamat kurikulum sejarah dan transformasi dasar pendidikan negara pada peringkat nasional dan global.

Rujukan

Ainun Rahmah Iberhim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 7*(2), 77-88.

Anuar Ahmad., & Nelson Jinggan. (2015). Pengaruh kompetensi guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 3(2), 1-11.

Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahim & Nur Atiqah T.Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53-66

Atkins, II., Moore, D., & Sharpc, S. (Jun, 2001). *Learning style theory and computer mediated communication*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Ed Media, Finland. Retrieved from: http://oufent5.open.ac.uk/

Azizi Hj. Yahaya, Shareeza Abdul Karim & Noordin Yahaya. (Oktober, 2003). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Menengah teknik Negeri Sembilan*. Kertas kerja yang dibentangkan di National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pacific, Johor Bahru.

Azizi Yahaya, Mohd Najib Ghaffar, Jamaludin ramli, Yusuf Boon & Wan Zuraidah Wan Hamid. (2010). *Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akdemik pelajar*. Retrieved from:http://eprints.utm.my/id/eprint/10443

Azrul Mahfurdz & Saifuddin Semail. (2009). Hubungan gaya pembelajaran, motivasi dan pencapaian pelajar semester satu dalam Modul Matematik kejuruteraan. *Jurnal Digest Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak*, 1-10.

Blickle, G. (1996). Persoanlity traits, learning strategies and performance. *European Journal of Persoanlity, 10*, 337-352.

Briggs, M.I., McCaulley, M.H., Quenk, N., & Hammer, A. (1998). *MBTI Handbook: A Guide to the development and use of the Myers-Briggs Type Indicator* (3rd ed.). Conculting Psychologist Press.

Busato, V.V., Prins, F.J., Elshout, J.J., & Hamaker, C. (2000). Intellectual ability, learning style, personality, achievement motivation and academic success of psychology students in higher education. *Persoanlity and Individual Differences, 29*, 1057-1068.

Conllison, E. (2000). A survey of elementary students learning style preferences and academic success. *Contemporary Education, 71*, 42.47.

Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). United States of America: Pearson New International Edition.

Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.

Dunn, R., & Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning skills: A practical approach for grades 3-6*. Boston: Boston Publishing Company.

Felder, R.M. (1996). Reading the second tier: Learning and teaching styles in college science education. *Journal of College Science Teaching, 23*(5), 286-290.

Felder, R. M., & Soloman, B. A. (1997). *Index of learning styles questionnaire*. Retrieved from: http://www.engr.ncsu.edu/learningstyles/ilsweb.html

Geiser, W.F. (1999). Effects of learning style responsive versus traditional study on achievement, study and attitudes of suburban eight grade mathematics students. *Research in Middle Level Education Quarterly, 22*, 19-41.

Ira Fazlin Mohd Fauzi & Hasanah Saflen @ Shafie. (Mac, 2017). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan pencapaian pelajar bagi kursus Matematik Kejuruteraan 1*. Kertas kerja yang dibentangkan di National Innovation and Invention Competition through Exhibition 2017, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.

Kaviza, M. (2019). Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Satu Kajian Tinjauan Korelasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *4*(3), 93-106.

Kaviza, M. (2019). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah dalam Kalangan Murid. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *7*(1), 30-38.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Krejie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.

Ling, W.A., Mona Massod., & Siti Hawa Abdullah. (2016). Analysing the relationship of sequential and global styles on students' historical thinking and understanding: A case dtudy on form four secondary school students in Malaysia. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education, 6*, 51-58.

Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Ahmad Yunus Kasim & Mohamad Nasir Bustamam. (2006). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik Kursus Tamadun Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Dalam Abdul Halim Ali, Abdul Halim Ibrahim & Zuraini Ramli (pynt), Menanggapi Keberkesanan dan Perubahan. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohamad Yusri Bakir & Mohd Razimi Husin. (2014). Motivasi dan Gaya Belajar Pendidikan Islam Dalam Kalngan Murid Asli. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 8*, 1-19.

Norhani Bakri, Noor Zainab Abdul Razak, Hamidah Abdul Rahman & Aminah Ahmad Khalid (2005). Punca prestasi pembelajaran yang lemah dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Teknologi, 43,* 29-44.

Nitko, A. J. (2004). *Educational Assessment of Students*. Ed. Ke-4. Upper Saddle River: Merril.

Norlia Abd Aziz, T.Subahan M.Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. (2009). Hubungan antara Motivasi, Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan 31*, 123-141.

Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd ed.). New York: McGraw Hill.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan pelajaran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Reid, J. (1984). Perceptual Learning Style Preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly, 21*, 87-111.

Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad. (2016). Learning Style of MBTI Personality Types in History Learning at Higher Education. *Scientific Journal of PPI-UKM, 3*(6), 289-295.

Ryan, R.M., Hicks, I., Midgley, C. (1997). Social goals, academic goals and avoiding seeking help in the classroom. *Journal of the Early Adolescence, 17*(2), 152-171.

Sadler, S.E. (1996). Approaches to studying: Age, gender and academic performance. *Educational Studies, 22*(3), 367-379.

Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Fauziah Ani, & Asbah Razali. (2019). Penerapan Identiti Nasional melalui sejarah: Membina kelestarian insan dalam kalangan generasi muda. *Journal of Techni Sosial, 11*(1), 54-60.

Sternberg, R.J. (1999). *Thinking styles*. London: Cambridge University Press.

Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Oxford Fajar Sdn Bhd.

Uk Rani a/p Chen, Alias Masek & Mohd Hasril Amiruddin. (Ogos 2014). *Kajian Gaya Pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam PLTV (CiE-TVET), Mersing, Johor.

Whittington, M.S., & Raven, M.R. (1995). Learning and teaching styles of student's teachers in the northwest. *Journal of Agricultural Education, 36*(4), 10-17.

Woolfolk, A.E. (1998). *Educational Psychology* (3rd ed). New Jersey: Prentice Hall Inc.